



KEMENTERIAN
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

SIARAN MEDIA

ANUGERAH KECEMERLANGAN INDUSTRI (AKI) 2020 KEMBALI UNTUK MENGIKTIRAF PEMAIN INDUSTRI YANG CEMERLANG DAN BERDAYA TAHAN

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) kembali menganjurkan malam Anugerah Kecemerlangan Industri (AKI) 2020 pada 2 November 2021 untuk mengiktiraf syarikat-syarikat Malaysia yang telah mempamerkan produktiviti, daya tahan dan tahap kompetitif yang tinggi dalam industri masing-masing.

Anugerah industri paling berprestij ini adalah salah satu inisiatif MITI yang diperkenalkan pada tahun 1991 sebagai pengiktirafan tertinggi bagi pemain industri berprestasi tinggi dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan berkaitan pembuatan.

AKI dianjurkan dua tahun sekali dan penganjuran tahun ini merupakan edisi ke-27 yang menampilkan 11 anugerah. AKI 2020 akan disempurnakan oleh Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob yang akan menyampaikan anugerah tertinggi AKI 2020 iaitu Anugerah Perdana Menteri, juga kemuncak bagi acara tersebut.

Secara keseluruhan, penganugerahan AKI terbahagi kepada dua segmen - iaitu bagi sektor pembuatan dan sektor perkhidmatan berkaitan pembuatan. Kategori tertinggi AKI - Anugerah Perdana Menteri - dipilih di kalangan pemenang-pemenang anugerah. Malam anugerah ini akan dijalankan sebuah hotel di Kuala Lumpur dengan pelaksanaan pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ketat selari dengan norma baharu. Acara penganugerahan turut akan disiarkan secara langsung di saluran Radio Televisyen Malaysia dan Facebook Live MITI.



**KEMENTERIAN
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI**

Penanda aras bagi pemilihan pemenang adalah berdasarkan Rangka Kerja Kecemerlangan Perniagaan Malaysia (MBEF), sebuah rangka kerja yang dibangunkan oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia, agensi di bawah MITI. MBEF adalah kerangka penilaian berdasarkan Rangka Kerja Kecemerlangan Perniagaan (BEF) yang diiktiraf di peringkat global. BEF diguna pakai oleh lebih 83 buah negara serta 96 pentadbir anugerah di seluruh dunia. Antara negara yang menggunakan BEF termasuklah Jepun, Singapura, Australia, New Zealand, negara-negara Eropah dan Amerika Latin.

Aspek yang dinilai di dalam MBEF adalah kepimpinan dan prestasi syarikat melalui pelaksanaan Strategi, Maklumat, Pelanggan, Tenaga Kerja serta Proses yang efektif.

“Pengiktirafan AKI memainkan peranan yang penting dalam menggalakkan persaingan yang sihat di kalangan pemain industri selain menerapkan budaya penambahbaikan yang berterusan dalam komuniti perniagaan kita. MITI, sebagai entiti utama yang menerajui agenda ini, melihat inisiatif seperti AKI sebagai pemacu transformasi industri yang selari dengan perkembangan mega trend dunia yang amat dinamik kini,” ujar YB Dato’ Seri Mohamed Azmin Ali, Menteri Kanan dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Penganjuran AKI 2020 dilihat sebagai pembakar semangat buat pemain industri untuk terus melipatgandakan usaha memulihkan operasi perniagaan yang terkesan akibat pandemik COVID-19. Pada waktu yang sama, AKI 2020 juga mendorong syarikat-syarikat Malaysia untuk melaksanakan transformasi syarikat yang menekankan inovasi berteraskan teknologi serta tadbir urus yang efisien dalam perlindungan pekerja.

KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA & INDUSTRI (MITI)

1 NOVEMBER 2021



KEMENTERIAN
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

Tentang MITI:

MITI adalah pemacu utama dalam menjadikan Malaysia sebagai destinasi pilihan bagi pelaburan berkualiti dan meningkatkan status negara ini sebagai sebuah negara perdagangan yang kompetitif di peringkat global. Objektif dan peranannya adalah berorientasikan ke arah memastikan pembangunan ekonomi yang pesat di Malaysia dan membantu mencapai matlamat yang dinyatakan di negara ini untuk menjadi sebuah negara maju.

Pertanyaan Media:

Unit Komunikasi Strategik MITI

Tel +603 6200 0082

Fax +603 6206 4293

E-mail alluks@miti.gov.my



KEMENTERIAN
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

LAMPIRAN SENARAI ANUGERAH KECEMERLANGAN INDUSTRI (AKI) 2020

A. SEKTOR PEMBUATAN

KATEGORI 1	KATEGORI 2	KATEGORI 3
Syarikat domestik dengan perolehan jualan tidak melebihi RM50 juta	Syarikat domestik dengan perolehan jualan di antara RM50 juta - RM100 juta	Syarikat domestik dengan perolehan melebihi RM100 juta

B. SEKTOR PERKHIDMATAN BERKAITAN PEMBUATAN

KATEGORI 1	KATEGORI 2	KATEGORI 3	KATEGORI 4
Syarikat domestik dengan perolehan jualan tidak melebihi RM20 juta	Syarikat domestik dengan perolehan jualan di antara RM20 juta - RM50 juta	Syarikat domestik dengan perolehan jualan di antara RM50 juta to RM100 juta	Syarikat domestik dengan perolehan melebihi RM100 juta

C. KATEGORI TERBUKA

Terbuka untuk syarikat multinasional (dari sektor pembuatan dan perkhidmatan berkaitan pembuatan)

**Multinasional merujuk kepada syarikat dan jenama milik asing yang beroperasi di beberapa lokasi. Syarikat milik Malaysia yang beroperasi di beberapa lokasi juga layak memohon*

D. KATEGORI MOST PROMISING



**KEMENTERIAN
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI**

- Pengiktirafan kepada syarikat yang mempamerkan pembangunan dalam pelbagai aspek serta kepimpinan yang luar biasa untuk mencapai visi dan misinya;
- Aliran yang positif dalam perolehan jualan tahunan dan keuntungan;
- Umur penubuhan syarikat tidak melebihi 5 tahun.

E. ANUGERAH *INDUSTRY4WRD EXCELLENCE*

Pengiktirafan kepada syarikat yang telah berjaya melaksanakan teknologi dan proses Industri 4.0.

F. ANUGERAH PERDANA MENTERI

Pemenang Anugerah Perdana Menteri akan dipilih daripada kalangan semua pemenang kategori